



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PEGAWAI BELIA DAN SUKAN GRED S48
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan **Pegawai Belia dan Sukan Gred S48** di Majlis Sukan Wilayah Persekutuan. Butiran terperinci mengenai jawatan ini ialah :

1. Jawatan/ Kumpulan/ Skim/ Perkhidmatan

- (a) Jawatan : Pegawai Belia dan Sukan Gred S48
- (b) Kementerian/ Jabatan : Majlis Sukan Wilayah Persekutuan
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
- (d) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (e) Kekosongan Jawatan : Satu (1) Kekosongan

- 2. Jadual Gaji Gred S41** : Minimum : RM 5,117.00
: Maksimum : RM 11,632.00

- 3. Kenaikan Gaji Tahunan** : RM 270.00

- 4. Taraf Jawatan** : Kontrak

- 5. Tempoh Lantikan** : 1 tahun

6. Syarat Lantikan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Kelayakan,
 - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred S41: RM2,078.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan pada Gred S41 : RM2,281.86)

7. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

- (a) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan
- (b) Keutamaan :
 - (i) Calon yang mempunyai pengalaman dalam bidang Sains Sukan;
 - (ii) Calon yang mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan; dan
 - (iii) Calon yang berpengetahuan dalam pengurusan sukan dan kejurulatihan.

8. Deskripsi Tugas

Merangka dasar, merancang program serta aktiviti berkaitan kegiatan belia dan sukan di peringkat Kementerian/Jabatan. Meliputi memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman kewangan, memberikan nasihat kepakaran serta penyeliaan berterusan bagi mengembangkan program-program pembangunan sukan.

9. Cara Memohon

- (a) Borang Permohonan boleh didapati daripada **Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya** atau memuat turun dari laman sesawang : <http://www.wipers.gov.my>
- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan satu Salinan Sijil, Kad Pengenalan dan sekeping gambar berukuran pasport.

10. Tarikh Tutup Permohonan

Semua permohonan melalui pos atau serah tangan hendaklah diterima oleh Majlis Sukan Wilayah Persekutuan selewat-lewatnya pada **18 Jun 2019**. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

11. Alamat Penghantaran

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti di bawah :

Pengarah

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan

Aras 2, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2,

62100 PUTRAJAYA

12. Panggilan Temu Duga

Hanya pemohon yang layak dan melepasi tapisan akan dipanggil temu duga bagi jawatan ini.

13. Perbelanjaan

Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan calon-calon yang akan menghadiri temu duga tersebut.

14. Keputusan

Hanya calon yang **berjaya** dalam urusan temu duga akan dimaklumkan.